

**Nilai:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima sumbangan 30 unit panel solar bernilai RM 90,000 daripada EAG Consulting Sdn Bhd (EAG Consulting) bagi menjalankan projek penyelidikan tenaga hijau.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof Dr Mustafa Mohd Hanefah, berkata panel solar itu akan dipasang di Fakulti Sains dan Teknologi (FST).

Katanya, panel solar itu akan digunakan bagi menjalankan projek rintis mewujudkan stesen pengecas telefon bimbit dan komputer riba pelajar selain dimanfaatkan pensyarah FST dalam penyelidikan lampu jalan LED.

**Situasi menang-menang**  
"Jalinan kerjasama ini

# USIM terima panel solar

mewujudkan situasi menang-menang antara USIM dengan industri termasuk penempatan latihan industri pelajar USIM dan berkongsi kepakaran dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan," katanya pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara USIM dengan EAG Consulting serta Vision Motor Sports Sdn Bhd (Vision Motor Sports) di sini, baru-baru ini.

## **Tanggungjawab sosial**


Pengarah Urusan EAG Consulting, Raja Hizad Raja Kamarulzaman, menyerahkan sumbangan panel solar kepada Mustafa sambil disaksikan Pengerusi Vision Motor Sports, Tan Sri Abdul

Halil Abdul Mutalib.

Raja Hizad berkata sumbangan panel solar kepada USIM antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat syarikat bagi membangunkan kelestarian alam sekitar dan mengurangkan kesan rumah hijau.

"Sumbangan solar panel kepada USIM sejajar visi universiti itu untuk menjadi institusi mesra alam serta mempromosikan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

"USIM ialah institusi pendidikan kedua dipilih untuk menerima sumbangan panel solar ini selepas projek pertama dengan Sekolah Mutiara International Grammar School, Ampang, pada September lalu," katanya.



**Raja Hizad** (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan panel solar kepada Mustafa (kanan) sambil disaksikan Abdul Halil.